

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

## Persediaan jadi negara menua perlu bermula

**Kuala Lumpur:** Kesedaran dan persediaan yang menyeluruh ke arah negara menua 2030 perlu digerakkan dari sekarang dengan tumpuan bukan semata-mata kepada sektor kesihatan, tetapi merangkumi semua keperluan warga emas.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata setakat ini belum ada pelan induk menyeluruh untuk menyediakan negara ke arah negara menua. Ini termasuk isu simpanan, pengangkutan dan perumahan untuk warga emas.

"Ini (mungkin dianggap) benda kecil, tetapi kalau tidak dibuat sekarang, maka kita tak bersedia memberikan keselesaan kepada masyarakat," katanya berucap pada Sambutan Hari Warga Emas Sedunia 2022 Peringkat Hospital Kuala Lumpur (HKL) di Auditorium Utama, HKL, semalam.

Khairy berkata, kerajaan ba-

haru yang bakal dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nanti disaran untuk mewujudkan pelan tindakan komprehensif supaya kebajikan dan kesejahteraan warga emas terus dilindungi.

Menyentuh aspek kesihatan, jelasnya, fokus KKM adalah memberi jaminan untuk warga emas mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik yang tidak terhad kepada perkhidmatan di klinik kesihatan atau hospital awam sahaja.

Justeru, antara langkah yang sedang digerakkan adalah projek rintis penjagaan kesihatan geriatrik bersepadu (Seamless Geriatric Integrated Care) dibangunkan HKL sejak 2019.

"Dalam masa sekarang, kita mesti memperluaskan lagi 'Seamless Integrated Geriatric Care' yang membabitkan perkhidmatan di klinik kesihatan," katanya.



Khairy menyerahkan Anugerah Wanita Berdaya Tahan Tahun 2022 kepada Rapih Ali pada Sambutan Hari Warga Emas Sedunia 2022 Peringkat HKL di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

# Cari kos rawatan gigi murah jangan sampai bawa padah

• Laman media sosial menjadi medan doktor gigi palsu tawar pelbagai jenis perkhidmatan mencantikkan gigi dengan kos lebih murah

• Modus operandi doktor gigi palsu ini sanggup merawat pesakit di luar klinik, termasuk beroperasi di rumah kedai yang diubah suai



Oleh Dr Che Anis Shafiqah Che Zulkifli dan Dr Wan Nor Syariza Wan Ali bhrencana@bh.com.my

Penampilan diri dari segi fizikal, rupa paras dan tidak terkecuali juga kecantikan gigi setiap individu memainkan peranan penting bagi seseorang untuk tampil yakin di tempat awam atau kerja setiap hari.

Dalam soal kecantikan gigi, tidak dinafikan ada segelintir individu sanggup berhabis wang mendapatkan rawatan pergigian terbaik, terutama dengan doktor klinik swasta.

Kebelakangan ini, permintaan tinggi terhadap rawatan pergigian estetik juga semakin menjadi trend dalam kalangan masyarakat semata-mata menjadikan senyuman lebih bermakna dan memiliki paras rupa menawan.

Namun, kos rawatan pergigian agak tinggi menyebabkan segelintir pihak tidak mempunyai kelayakan profesional dalam bidang pergigian, mengambil kesempatan

menawarkan kos rawatan lebih rendah kepada mereka yang obses untuk mencantikkan gigi.

Ini dapat dilihat menerusi laman media sosial seperti Facebook dan Instagram dengan individu menggelar diri mereka sebagai 'doktor pergigian' berleluasa menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan mencantikkan gigi.

Kebiasaannya mereka menawarkan rawatan gigi dengan harga sangat berbanding klinik swasta. Antara modus operandi doktor palsu ini adalah menjalankan khidmat 'dari rumah ke rumah' untuk melakukan rawatan gigi, selain ada menyewa bilik hotel bagi menjalankan aktiviti mereka.

Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini turut menjangkakan kegiatan doktor gigi palsu atau tidak bertauliah kembali meningkat selepas negara berada dalam fasa peralihan ke endemik.

Pembukaan semula sektor ekonomi dan kebenaran rentas negeri memberi ruang kepada mereka beroperasi kembali selepas ia tersekat akibat pandemik COVID-19.

Setakat ini, 528 aduan diterima di seluruh negara membabitkan kegiatan pengamal pergigian palsu dalam tempoh lima tahun bermula 2017.

Trend aktiviti kumpulan ini menunjukkan

peningkatan dalam tempoh 2014 hingga 2019 dan hanya menurun pada 2020 dan 2021 iaitu masing-masing sebanyak 129 aduan dan 89 aduan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sebelum ini turut mendedahkan KKM mengenai pasty Setapak di ibu negara menjadi lubuk bagi kegiatan doktor gigi palsu atau tidak bertauliah. Ia susulan beberapa serbuan dilakukan KKM selepas menerima aduan daripada mangsa doktor gigi palsu ini.

Doktor gigi palsu diketahui tidak mempunyai kelayakan minimum ijazah dalam bidang pergigian atau tiada langsung kelayakan profesional.

Mereka akan menawarkan perkhidmatan gigi mirip dengan doktor bertauliah, tetapi apa yang membezakan antara mereka adalah kualiti rawatan serta jenis bahan digunakan.

Kumpulan doktor gigi palsu sanggup merawat pesakit di luar klinik, termasuk beroperasi di rumah kedai yang diubah suai. Modus operandi ini menjadi tanda individu memberi rawatan gigi bukan seorang doktor bertauliah; tiada kelayakan sah dan tidak berdaftar, malah tiada lesen tetapi sesuka hati memberikan rawatan gigi kepada orang awam.

Antara jenis rawatan popular ditawarkan doktor gigi palsu ini adalah pemasangan pendakap gigi, gigi palsu dan rawatan pergigian estetik iaitu pemutihan gigi serta venir pergigian.

## Dikhuatiri guna bahan berbahaya

Semua rawatan ini dilakukan tanpa mengikut prosedur dan teknik yang betul serta menggunakan bahan pergigian dikhuatiri berbahaya dan tidak sesuai digunakan dalam mulut.

Pengguna harus menyiasat dan mendapatkan maklumat daripada Majlis Pergigian Malaysia (MDC) untuk mengetahui status premis menawarkan perkhidmatan pergigian.

Sekiranya terdapat kemusykilan terhadap kelayakan seseorang 'doktor', pesakit boleh menyemak status pendaftaran doktor pergigian dengan MDC bagi memastikan mereka bertauliah dan berdaftar.

Sementara itu, perlu disedari terdapat banyak kesan negatif menimpa pengguna yang terjebak dengan doktor gigi palsu ini.

Kesan utama paling digeruni adalah dari segi kawalan jangkitan silang ketika rawatan gigi dijalankan. Adakah tempat dan peralatan digunakan itu bersih? Bagaimanakah cara pembersihan alatan digunakan?

Persoalan ini perlu difikirkan sebelum pengguna bersetuju mendapatkan rawatan di premis berkenaan. Jika proses penyahkuman alat digunakan tidak betul dan bergilir antara pesakit, ia hanya mendedahkan pesakit kepada pelbagai jenis jangkitan penyakit.

Sebagai contoh, jika seseorang mempunyai/ pembawa penyakit berjangkit seperti HIV AIDS atau Hepatitis misalnya, ini akan memberi risiko jangkitan kepada pengguna lain.

Selain itu, kebiasaannya doktor gigi palsu ini tidak melakukan pemantauan berkala seperti dilakukan doktor gigi bertauliah, menyebabkan kebersihan mulut pesakit sangat teruk dan akhirnya menjadi masalah kepada gusi dan gigi.

Justeru, pengguna perlu memastikan setiap temu janji pemeriksaan atau rawatan pergigian adalah dengan doktor bertauliah yang memiliki klinik pergigian disahkan KKM dan MDC.

Alangkah ruginya jika pengguna sanggup mengeluarkan modal sehingga ribuan ringgit untuk mencantikkan gigi, tetapi merana pada kemudian hari akibat mendapatkan khidmat doktor gigi palsu.

Pengguna atau pesakit wajib melaporkan kepada KKM atau MDC jika mengesan premis atau individu menawarkan rawatan pergigian

dengan kos murah tidak masuk akal, terutama di media sosial bagi membendung kegiatan ini daripada terus berleluasa pada masa depan.

Pihak KKM juga wajar melipat gandakan operasi membasmi operasi doktor gigi palsu tanpa perlu menunggu aduan atau laporan daripada orang awam.

“ Sekiranya terdapat kemusykilan terhadap kelayakan seseorang 'doktor', pesakit boleh menyemak status pendaftaran doktor pergigian dengan MDC bagi memastikan mereka bertauliah dan berdaftar ”

